

21/04/2001

Taman ilmu dan budi tuai hasil

Mohd Jamizal Zainol

SEJAK 1983, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sudah memainkan peranan besar dalam arena pendidikan negara bagi menghasilkan graduan yang bermutu tinggi dari aspek kognitifnya dan akhlak Islamiah yang terpuji.

Kini, sudah ramai graduannya yang berjaya mengisi jawatan besar di dalam mahupun luar kerajaan. Bermula dengan penubuhan Kuliyyah Undang-Undang dan Ekonomi yang berhasrat untuk menyediakan tenaga kerja yang mampu menggabungkan kefahaman Islam dalam bidang ekonomi dan undang-undang kerana bidang ini cukup substantif dalam menjana pembangunan dan kemaslahatan sesebuah negara.

Alaf ini juga menuntut penghasilan individu yang pelbagai disiplin ilmu bagi menyaingi negara lain dalam arus globalisasi. Bukan setakat itu saja, malah mampu menghubungkan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan seharian. Acapkali kita terdengar tuduhan mengatakan penuntut IPT jumud dan tidak inovatif. Ini berpunca daripada sikap mereka yang menelaah pelajaran demi peperiksaan semata-mata tetapi tidak ditancapkan dalam akal fikiran dan naluri mereka.

Pendek kata, pelajar kita tidak lagi menganggap ilmu itu sebagai budaya hidup mereka, belajar kerana inginkan pekerjaan besar dan harta dunia semata-mata. Namun demikian, UIAM diharapkan dapat mengubah persepsi ini dengan menghasilkan graduan yang berkualiti.

Sebagai menghargai sumbangan UIAM setakat ini, 17 April 2001 menjadi tarikh bersejarah kepada semua warga UIAM dan rakyat Malaysia kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Kampus UIAM Gombak yang indah selepas 18 tahun beroperasi sebagai pusat pengajian tinggi antarabangsa terulung di negara kita yang menghimpunkan pelajar pelbagai bangsa dari 96 negara.

Pada hari itu, rasmlah sudah kampus UIAM Gombak yang baru. Bentuk fizikalnya yang unik mengambil kira seni bina Andalusia, mengimbau ingatan kita pada zaman kegemilangan Islam di Sepanyol yang memancarkan hasrat universiti untuk cemerlang bukan saja dari aspek kualiti graduannya, malah pembangunan nilai estetikanya.

Hasrat melahirkan insan yang mempunyai acquired dan perennial knowledge perlu bermuhasabah diri selepas 18 tahun mengeluarkan beribu-ribu graduan dari pelbagai bidang, adakah mereka benar-benar memahami dan mencapai objektif serta matlamat itu?

Penuntut UIAM diharapkan cemerlang dari semua aspek sahsiah dan intelektual. Biarlah graduan yang dilahirkan di sini berbeza dengan graduan IPT lain, mereka diharapkan menjadi manusia berbudaya yakni manusia yang menghargai seni, budaya, falsafah dan nilai estetika yang tinggi. Maksudnya tidaklah berlandaskan kepada orientasi materialisme semata-mata tanpa sifat manusiawi dan keprihatinan.

Tema sambutan iaitu `meraikan perasmian taman ilmu dan budi' dirasakan bertepatan bagi menyuburkan semangat penuntut mengenai realiti dan matlamat universiti. Program sempena pembukaan rasmi UIAM yang bercorak karnival akan dimeriahkan dengan gerai jualan, pertandingan kebudayaan Islam, kempen berbasikal dan paling menarik pada hemat saya ialah perbicaraan semula olok-olok kes Re Matia Hertough (Natrak) yang mengimbau kembali kes kontroversi yang dipertikaikan keputusannya oleh orang Melayu di Singapura dan Malaysia. Orang awam sepanjang sambutan selain ke karnival dapat melihat dengan lebih dekat keindahan dan keunikan seni bina UIAM, terutama Kulliyah Arkitektur gabungan seni bina moden dan Melayu

Minangkabau.

Justeru, karnival yang berlangsung sempena pembukaan rasmi UIAM Gombak dilihat sebagai wadah untuk pelajar menelusuri semula matlamat dan perjuangan mereka di sini. Paling penting saya rasakan, menyediakan diri mereka menjadi seorang mujtahid yang mampu membuka semula pintu ijtihad yang sudah lama tertutup.

Kepakaran ilmu usul fiqh dan ilmu fardu kifayah diharapkan dapat menjana semula individu yang mampu berijtihad dalam bidang kepakaran mereka. Oleh itu, sewajarnya graduan UIAM menjadi elemen penyelamat bagi mencorakkan masa depan agama, bangsa dan negara. Utamakanlah kecemerlangan akademik dan lupakanlah titik bengik seribu satu masalah yang menghalang kecemerlangan yang dicari. Tepuk dada tanyalah selera!